

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL



Pelajar sekolah digalakkan pakai pelindung muka. (Foto hiasan)

KKM tak halang pelajar pakai pelindung muka

Putrajaya: Kementerian Kesihatan tidak menghalang pelajar sekolah untuk memakai pelindung muka (*face shield*) walaupun tiada bukti klinikal bahawa penggunaannya dapat memutuskan penularan COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kegunaan pelindung muka bagaimanapun adalah tidak sama dengan pelitup muka.

"Memang ada bukti bahawa pelitup muka dapat memutuskan penularan COVID-19, iaitu antara 60 hingga 65 peratus, ditambah lagi dengan penjarakan fizikal.

"Bagi pelindung muka pula, tiada bukti bahawa ia dapat mengekang virus terbahit.

"Namun, sekurang-kurangnya kita ada perlindungan ketika memakainya. Lebih baik memakai pelindung muka daripada tidak memakai apa-apa langsung untuk perlindungan.

"Oleh itu, kita menggalakkan mereka memakai pelindung muka dan pelitup muka," katanya pada sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, belum ada bukti kukuh bahawa individu dikesan positif COVID-19 di Negeri Sembilan, Sabtu lalu, mendapat jangkitan kali kedua.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan masih menyiasat kes itu dan setakat ini, tiada bukti menunjukkan individu terbahit pernah positif serta mendapat jangkitan di Indonesia.

"Kes di Negeri Sembilan itu ada sejarah perjalanan di Indonesia dan pulang ke sini pada Mei lalu.

"Mungkin sebab jarak inkubasi itu lebih panjang (melebihi 14 hari) dan ia berkemungkinan bukan dari Indonesia."

"Sehubungan itu, kita masih menyiasat kes ini untuk melihat sama ada beliau ada berhubung dengan mereka yang baru pulang dari Indonesia atau terdedah dengan kes positif," katanya.

Penularan COVID 19

Ziarah raya punca virus pantas merebak

Kebanyakan kes positif Kluster PUI Sivagangga, Kurau babit ahli keluarga

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Aktiviti kunjung-mengunjungi ketika musim perayaan tanpa mengikut prosedur operasi standard (SOP), dikenal pasti antara punca utama penularan wabak COVID-19 daripada Kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga dan Kluster Kurau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kebanyakan kes positif bagi kedua-dua kluster itu terdiri daripada ahli keluarga, termasuk warga emas dan kanak-kanak dalam lingkungan umur dua hingga 70 tahun.

"Dua kluster itu didapati mencatatkan pertambahan kes sejak kebelakangan ini, terutama selepas musim perayaan.

"Siasatan yang telah dijalankan melalui aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan ke atas kontak rapat, mendapati sebahagian besar penularan jangkitan dalam kedua-dua kluster

itu adalah disebabkan aktiviti kunjung-mengunjungi ketika musim perayaan.

"Aktiviti kunjung-mengunjungi walaupun kini dibenarkan, masih tertakluk kepada SOP.

"Penjarakan fizikal yang selamat sewajarnya diamalkan di semua tempat, termasuk antara ahli keluarga dan sanak saudara.

"Individu yang tidak sihat atau bergejala tidak sepatutnya mengunjungi atau menyertai sebarang kenduri-kendara dan perayaan," katanya pada sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Menjelaskan lanjut, Dr Noor Hisham berkata, tiga lagi kes positif dikesan dalam Kluster Kurau di Perak, semalam.

Sambil memaklumkan penularan kluster itu meliputi Perak dan Pulau Pinang, setakat ini, beliau berkata, jangkitan baharu membabitkan ahli keluarga kes pertama (kes ke-9,050), iaitu adik, biras dan anak saudara berumur dua tahun.

"Kes pertama ada kontak rapat dengan semua kes baharu itu ketika aktiviti kunjung-mengunjungi menjelang Aidiladha pada 30 Julai lalu.

"Anak saudara kes ke-9,050 (kes ke-9,093) didapati mengalami gejala demam dan sesesema sejak 30 Julai lalu, manakala adik dan biras tiada sebarang gejala.

Ketiga-tiga kes baharu ini dimasukkan ke Hospital Raja Per-

maisuri Bainun, Perak.

"Setakat ini, 125 orang disaring dalam Kluster Kurau dengan lima kes dikesan positif, 112 negatif dan lapan sedang menunggu keputusan.

"Pengesanan kes secara aktif dan saingan kontak rapat diteruskan. Punca jangkitan masih dalam siasatan," katanya.

Dalam pada itu, 11 jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan, setakat jam 12 tengah hari semalam, membabitkan enam penularan tempatan dan lima kes import.

Pertambahan berkenaan menjadikan jumlah kumulatif jangkitan wabak itu di Malaysia kini mencecah 9,094 kes, manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhajangkitan COVID-19 ialah 166.

Dr Noor Hisham berkata, daripada lima kes import yang semuanya membabitkan rakyat Malaysia, tiga jangkitan di Selangor adalah dari Australia dan masing-masing satu dari Jepun (Kuala Lumpur) serta Singapura (Johor).

Enam kes penularan dalam negara pula meliputi lima rakyat Malaysia, selain seorang bukan warganegara yang membabitkan kes saringan di tempat kerja di Selangor, tidak bergejala dan sudah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Daripada lima kes penularan dalam negara membabitkan rakyat Malaysia pula, satu di Johor, iaitu kes saringan prapembeda-



Individu yang tidak sihat atau bergejala tidak sepatutnya mengunjungi atau menyertai sebarang kenduri-kendara dan perayaan.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

han di sebuah pusat perubatan swasta dan dimasukkan ke Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom.

"Tiga lagi di Perak daripada Kluster Kurau dan satu di Melaka membabitkan kes saringan kemasukan ke wad di sebuah pusat perubatan swasta, tidak bergejala serta dimasukkan ke Hospital Melaka," katanya.

Seramai 19 pesakit dilaporkan pulih, semalam, dengan jumlah kumulatif ialah 8,803 kes (96.8 peratus), sementara hanya satu kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiada yang memerlukan bantuan pernafasan.

Selain itu, tiada pertambahan kematian akibat COVID-19 dengan jumlahnya kekal 125 kes (1.37 peratus).



BH TV

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : LOKAL



Usah sebar berita tak sah

Arau: Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (*gambar*) menitahkan rakyat tidak menyebarkan berita tak sah susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (Temco) di dua kampung di Kuala Sanglang kerana ia hanya mencetuskan suasana panik dalam masyarakat.

Tuanku Syed Faizuddin Putra juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu

Perlis (MAIPs) bertitah, semua pihak perlu bersikap rasional dan membuat rujukan maklumat daripada sumber sah iaitu Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Apabila terlalu banyak 'khabar angin' (berita tidak sah), ia menjadi beban tambahan kepada kerajaan bagi meredakan suasana panik dan juga mengganggu usaha pihak berkuasa menjalankan saringan kepada mereka yang terbahit.

"Adalah lebih wajar sekiranya orang ramai memberikan kerjasama kepada pe-

tugas barisan hadapan selain turut membantu penduduk yang berkemungkinan terjejas ekoran pelaksanaan Temco," titah baginda.

Terdahulu, Raja Muda Perlis berkenan berangkat menghadiri 'Program Hijrah Minda MAIPs di Masjid Al-Abrah Kubang Gajah, di sini, yang menyaksikan MAIPs dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perlis melaksanakan agihan 300 pek bantuan makanan kepada penduduk terjejas susulan pelaksanaan Temco di Kampung Tanah Timbul dan Kampung Kuala Sanglang.

Kluster Sivagangga satu pengajaran: KKM

Kuala Lumpur: Bukan masyanya untuk menuding jari dan menyalahkan mana-mana pihak selepas metusnya kluster PUI Sivagangga yang kini dianggap *super spreader* kerana kadar kebolehjangkitan tinggi.

Sebaliknya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mahu kes itu dijadikan pengajaran dan panduan untuk masyarakat mematuhi setiap arahan kerajaan khususnya nasihat KKM.

Menurut KKM, sikap alpa boleh memberi kesan bukan sahaja kepada diri sendiri dan keluarga, malah masyarakat serta negara keseluruhannya.

"Langkah pencegahan mesti dilakukan setiap masa kerana amalan kesihatan awam ini paling berkesan mengelak jangkitan sebelum vaksin dihasilkan.

"Pakai pelitup muka sebaik keluar rumah untuk membiasakan diri dengan budaya norma baharu untuk melindungi diri," kata KKM.

Sehingga kelmarin, kluster itu menjangkiti 45 orang membabitkan tiga generasi dari Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, sekali gus kluster paling mendapat perhatian masyarakat.

"(Bermula dengan) kes indeks kluster ingkar arahan HSO (Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah) dan menyebarkan jangkitan kepada pekerjaanya di kedai makan di Naphoh, Kedah serta pelanggan dan seterusnya merebak ahli keluarga dan saudaramara terdekat.

"Akibat kluster ini, empat mukim di Kubang Pasu dan dua kampung di Perlis dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) dan beberapa sekolah terpaksa ditutup," katanya.

Untuk makluman, Sivagangga satu daripada sembilan daerah di selatan India yang merekodkan jumlah pesakit Covid-19 paling rendah.



Bernama

Kangar

Peraturan kehadiran pelajar ke sekolah di negeri ini merosot lebih 50 peratus berikutan kebimbangan ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah susulan penyebaran wabak Covid-19 daripada Kluster Sivagangga, kata Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri, Rozieana Ahmad.

Menurutnya, penurunan itu berlaku selepas kerajaan negeri mengisytiharkan penguat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan Secara Bersasar (Temco) di Kampung Tanah Timbul dan Kampung Kuala Sanglang di Kuala Sanglang bermula Sabtu lalu.

Katanya, data ketidakhadiran ke sekolah ini diperoleh hasil perjumpaan dengan guru besar, pengetua dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

"Ibu bapa boleh mengambil keputusan untuk tidak menghantar anak ke sekolah, tetapi perlu mendapatkan sebarang bentuk pengajaran dan pembelajaran daripada sekolah supaya anak mereka tidak ketinggalan.

"Antara sekolah yang berhampiran dengan kawasan Temco ialah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Simpang Empat, Dun Guar Sanji dan yang berhampiran dalam Parlimen



PENDUDUK setempat yang selesai proses saringan di Klinik Kesihatan Kuala Sanglang, Kangar.

50% pelajar tak ke sekolah

Ibu bapa bimbang anak dijangkiti koronavirus



SEORANG kanak-kanak menangis ketika menjalani ujian saringan Covid-19 di Klinik Kesihatan Naphoh, Jitra.

Arau," katanya kepada pemberita selepas ditemui di pejabatnya di Kompleks De-

Menurut Rozieana, penutupan sekolah yang berhampiran dengan kawasan Temco akan dimaklumkan selepas mendapat kelulusan daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan.

Sebelum ini, tiga sekolah ditutup selama seminggu bermula semalam iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Sanglang, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sanglang serta Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chin Hun dan semua guru di sekolah itu menjalani arahan Perintah Pengawasan Di Rumah.



BASHAH Saad, 74, berehat di halaman rumahnya di Kampung Kuala Sanglang yang kena Temco sehingga hujung bulan.

Temco sampai 31 Ogos

Kuala Lumpur: Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Bersasar Secara Pentadbiran (Temco) di Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul di Perlis bermula semalam hingga 31 Ogos ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, keputusan itu dicapai menerusi Mesyuarat Khas Menteri semalam supaya penularan Covid-19 menerusi kluster Sivagangga dapat dikawal sepenuhnya.

Menurutnya, sepanjang tempoh penguatkuasaan perintah berkenaan, penduduk tidak dibenarkan keluar dari kawasan itu selain

orang luar juga tidak dibenarkan masuk kecuali pembekal barangan perkhidmatan penting (*essential*) seperti makanan.

"Penguatkuasaan perintah ini membabitkan 872 penduduk dari 191 rumah. Penduduk masih boleh bergerak di dalam kawasan berkenaan dan ketua keluarga dibenarkan ke kedai membeli makanan dan keperluan harian lain.

"Restoran di kawasan itu juga masih boleh beroperasi namun hanya menjual makanan berbungkus dan semua premis perniagaan dibenarkan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 6 petang sehingga 31 Ogos ini," katanya dalam sidang media Covid-19.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : LOKAL

11 lagi kes baharu Covid-19 direkod

Kuala Lumpur: Sebanyak 11 kes baharu jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), setakat jam 12 tengah hari, semalam sekali gus merekodkan 9,094 kes positif keseluruhan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 11 kes baharu itu lima kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara yang semuanya warganegara Malaysia.

Beliau berkata, tiga daripada mereka pulang dari Australia serta masing-masing seorang dari Jepun dan Singapura.

"Enam kes penularan tempatan pula membabitkan lima warganegara dan seorang bukan warganegara yang dikesan menerusi saringan tempat kerja di Selangor.

"Lima kes warganegara itu membabitkan satu kes saringan sebelum pembedahan di Johor, tiga kes

daripada Kluster Kurau dan satu kes saringan memasuki ke wad di Melaka.

"Sehubungan itu, kes aktif dengan kebolehhajjatan Covid-19 berkurangan kepada 166 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan di hospital," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 19 kes pulih dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih meningkat kepada 8,803 kes dengan kadar kesembuhan 96.8 peratus.

Beliau berkata, sehingga kini, satu kes positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan tiada kes memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah 125 kes iaitu 1.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.



STAF Jabatan Kesihatan Negeri meneruskan pengesanan kes secara aktif di Sanglang, semalam.



Oleh Dziaul Afnan Abdul Rahman am@hmetro.com.my

Kangar
Seramai 139 guru di tiga sekolah yang ditutup berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diper-

Cikgu disaring

139 guru di 3 sekolah diarah jalani ujian Covid-19

ketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di Kuala Sanglang diarah menjalani ujian saringan Covid-19, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Bencana Alam negeri, Azman Mohd Yusof berkata, mereka membabitkan guru yang bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sanglang, Sekolah Kebangsaan (SK) Sanglang dan Sekolah Jenis Kebang-

saan (SJKC) Chin Hun.

"Ketika ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang melakukan proses sanitasi di dua sekolah terbabit.

"Proses sama akan dibuat di SMK Sanglang sebaik ujian saringan Covid-19 ke atas guru selesai," katanya ketika dihubungi di sini.

Tiga sekolah itu yang terletak di kawasan Temco Kuala Sanglang berkenaan di-

tutup sejak Jumaat lalu dan pelajar diarah menjalani sesi pembelajaran secara dalam talian.

Sementara itu, katanya, 912 penduduk di Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul sudah disaring sejak Jumaat lalu.

"Proses saringan masih berjalan berikutan ada penduduk baharu tampil melakukan ujian saringan," katanya.

Kerajaan setuju turun caj penginapan ILA



CAJ penginapan bagi tujuan kuarantin di 58 hotel terpilih kekal RM150.

Kuala Lumpur: Kerajaan bersetuju menurunkan caj penginapan di Institut Latihan Awam (ILA) bagi mengurangkan beban rakyat yang perlu menjalani kuarantin wajib 14 hari sebaik tiba dari luar negara.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebelum ini kerajaan mengenakan caj RM150 sehari untuk mereka yang dikuarantin di lima ILA mahupun 58 hotel terpilih seluruh negara.

Menurutnya, selepas diteliti, caj penginapan bagi mereka yang dikuarantin di ILA akan diturunkan kepada RM100 semalaman namun caj bagi hotel masih kekal RM150.

"Jika diteliti, kemudahan yang ada di ILA masih ku-



rang berbanding hotel dan Mesyuarat Khas Menteri dikurangkan kepada RM100 semalaman. Bagi mereka yang melancong bersama keluarga, ibu bapa dan anak berusia bawah 12 tahun boleh menginap dalam bilik yang sama.

"Hanya RM50 dikenakan untuk individu kedua dan ketiga untuk kos makanan serta perkhidmatan lain," katanya dalam sidang media Covid-19 di Bangunan Parlimen, semalam.

Ismail berkata, bagi kanak-kanak bawah 12 tahun yang pulang dari luar negara bersendirian, ibu bapa atau ahli keluarga dibenarkan untuk menemani sepanjang dikuarantin wajib selama 14 hari dan tiada sebarang caj dikenakan untuk kes berkenaan.

Katanya, kerajaan juga membenarkan mereka yang dikuarantin di hotel untuk menaik taraf bilik mengikut keselesaan masing-masing namun kos penambahan itu akan ditanggung sendiri kerana kerajaan masih tertakluk untuk menanggung kos RM150 sehari.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah diminta untuk mengkaji keberkesanan penggunaan pelitup muka

fabrik kepada murid sekolah bagi membantu mengurangkan kos pembelian pelitup muka tiga lapis yang dicadangkan sebelum ini.

"Saya cadangkan kain dijahit dan digunakan sebagai pelitup muka kerana boleh dibasuh dan memudahkan keluarga susah daripada perlu mengeluarkan kos setiap hari membeli pelitup muka.

"Selain itu, kerajaan juga mencadangkan agar murid sekolah menggunakan perisai muka kerana ia boleh duci dan digunakan berulang kali dengan setiap satu dianggarkan RM3 hingga RM4 selain menggunakan penggunaan pelitup muka daripada kain dan seldeng seperti mereka yang berpurdah," katanya.

Tiga Adun Perlis jalani ujian saringan

Kangar: Tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) di Perlis menjalani ujian saringan Covid-19, semalam berikutan kawasan seliaan mereka bersempadanan dengan Kuala Sanglang yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco).

Adun berkenaan ialah Adun Simpang Empat, Nurulhisham Yaakob (**gambarnya**), Mohd Shukri Ramli (Sanglang) dan Mohd Ridzuan Hashim (Gua Sanji).

Nurulhisham ketika dihubungi berkata, mereka menjalani ujian saringan terbabit pada jam 9 pagi semalam di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) berikutan kawasan seliaan mereka terletak berhampiran dengan Kampung Kuala Sanglang dan Kampung Tanah Timbul.

"Proses saringan yang kami jalani pagi tadi (semalam) lebih kepada prosedur wajib berikutan kawasan kami bersempadanan dengan kawasan pelaksanaan Temco selain kami juga Adun yang kerap bertemu dengan orang awam.

"Malah memandangkan Dewan Undangan Negeri (Dun) akan bersidang mulai



esok (hari ini), jadi semestinya kami menjalani proses saringan seperti mana yang telah ditetapkan sebelum ini," katanya.

Adun Sanglang, Mohd Shukri berkata, meskipun pelaksanaan Temco tidak terletak berhampiran dengan kediamannya, namun dia tetap mematuhi perintah yang dikenakan ke atas dirinya.

"Memang jauh dari rumah saya (Kuala Sanglang), tapi kawasan pelaksanaan Temco itu terletak dalam kawasan seliaan saya, jadi kami hadir buat saringan.

"Insyallah mudah-mudahan segalanya kembali seperti sedia kala dan patuh perintah pihak keselamatan dari semasa ke semasa," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

Kunjung-mengunjungi punca jangkitan

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan memaklumkan penularan kes Covid-19 bagi Kluster Sivagangga dan Kluster Kurau adalah berpunca daripada aktiviti kunjung-mengunjungi pada Hari Raya Aidiladha.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dua kluster berkenaan didapati mencatat pertambahan kes Covid-19 sejak kebelakangan ini terutama selepas musim perayaan.

Beliau berkata, perkara itu disahkan menerusi siasatan yang dijalankan melalui aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan ke atas kontak rapat kes berkenaan.

“Kami mendapati bahawa penularan jangkitan bagi kedua-dua kluster ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh aktiviti

kunjung-mengunjungi semasa musim perayaan.

“Kebanyakan kes positif kedua-dua kluster ini adalah terdiri daripada ahli keluarga. Golongan warga emas dan juga kanak-kanak turut termasuk dalam kes-kes positif kluster ini, iaitu dalam lingkungan umur dua hingga 70 tahun,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham berkata, sebanyak tiga kes positif Covid-19 dikesan membabitkan Kluster Kurau menjadikan jumlah kes positif dalam kluster ini adalah lima kes.

Beliau berkata, setakat ini, kluster itu dikesan di dua buah negeri iaitu Perak dan Pulau Pinang membabitkan daerah Kinta, Kerian dan Seberang Perai Tengah.

“Mereka adalah ahli keluarga kes pertama kluster ini iaitu adik,

biras dan anak saudara mangsa berusia dua tahun yang kesemua kini dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak.

“Kes pertama mempunyai kontak rapat dengan kesemua kes baharu ini semasa aktiviti kunjung-mengunjungi menjelang Aidiladha iaitu pada 30 Julai lalu

“Anak saudara mangsa iaitu kes ke-9,093 didapati mempunyai gejala demam dan selesema sejak 30 Julai, manakala adik dan biras kes ke-9,050 tidak mempunyai sebarang gejala,” katanya.

Berhubung tiga lagi kes penularan tempatan, Noor Hisham berkata, dua kes membabitkan warganegara iaitu kes saringan prapembedahan di sebuah pusat perubatan swasta di Johor dan kes saringan kemasukan wad di sebuah pusat perubatan swasta di Melaka.



SEORANG warga emas memberi isyarat laluan depan rumahnya di Kampung Kuala Sanglang, Perlis semalam ditutup kepada semua kenderaan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kementerian Kesihatan perlu masa kaji jangkitan pantas pandemik **Kajian kluster super-spreader**

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR – Kajian lebih terperinci diperlukan bagi mengkaji kemungkinan negara berdepan dengan kluster perebak utama atau *super-spreader* di mana seorang individu boleh menjangkiti ramai orang.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Dr. Hishamshah Mohd. Ibrahim berkata, kajian tersebut akan mengambil masa dan bergantung kepada keupayaan mengumpul urutan daripada sampel yang diambil dari pesakit.

"Koronavirus merupakan satu virus yang mempunyai rantaian tunggal ribonukleik asid (ssRNA) yang besar, jadi proses untuk mengurainya akan mengambil masa yang agak panjang.

"Kita ada beberapa ribu pesakit dan tidak semua sampel yang diambil boleh dijadikan urutan yang lengkap untuk dikaji," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Latihan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2020 di sini semalam.

Kajian itu dilakukan berikutan Kluster Sivagangga yang merebak dengan pantas sejak mula dikenali berbanding dengan sembilan kluster lain di Sarawak.

Dalam pada itu, Hishamshah

berkata, tinjauan NHMS tahun ini bertemakan penyakit berjangkit bagi mengkaji bebanan penyakit seperti Hepatitis B dan C serta wabak Covid-19 di dalam negara.

Katanya, seramai 5,000 responden daripada 2,000 kediaman di seluruh negara disasarkan bagi pengumpulan data yang dijalankan bermula 2 Ogos hingga 7 Oktober nanti.

"Seiring dengan situasi pandemik Covid-19, fokus utama tinjauan adalah melalui kajian seroprevalens ataupun pengambilan sampel darah antibodi Covid-19 serta penyakit lain seperti Hepatitis B dan C.

"Dapatan kajian ini diperlukan oleh Kementerian Kesihatan kerana dapat memberi anggaran yang lebih tepat mengenai bebanan jangkitan wabak tersebut di negara ini," katanya.

Katanya, bagi ujian sampel darah Hepatitis B, dapatan tinjauan itu akan digunakan bagi menilai impak program imunisasi Hepatitis B yang dimulakan di negara ini sejak tahun 1989.

"Bagi ujian seroprevalen Hepatitis C, kajian ini dapat memberi anggaran beban penyakit itu di Malaysia dan membantu merancang keperluan program rawatan Hepatitis C," tambahnya.



DR. HISHAMSHAH (kanan) melawat ruang pameran Bengkel Latihan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) di Kuala Lumpur semalam.

Ahli Parlimen perlu buat ujian Covid-19

KUALA LUMPUR – Ahli Parlimen yang bergejala atau pulang dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Dipertingkatkan Bersasar (TEMCO) disaran untuk membuat saringan Covid-19.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Azhar Azizan Harun berkata, Ahli Parlimen yang pulang ke kawasan masing-masing sempena cuti hujung minggu perlu mengikut arahan Kementerian Kesihatan agar menjalani ujian saringan Covid-19 sebelum datang semula ke dewan.

Dalam pada itu, Azhar turut memaklumkan penghadang lutsinar telah dipasang sepenuhnya di setiap tempat duduk bagi membolehkan semua Ahli Parlimen duduk semula di tempat masing-masing serta sebagai jarak pemisah bagi mengurangkan risiko penularan Covid-19.

"Pemakaian pelitup muka diwajibkan dan hanya perlu dibuka apabila ingin berucap," katanya dalam ucapan pembukaan sebelum memulakan sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

3 ADUN, 139 guru jalani saringan bermula semalam

KANGAR – Tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perlis serta 139 guru sekitar kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di Kuala Sanglang menjalani ujian saringan COVID-19 bermula semalam.

Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis, Datuk Hamdan Bahari mengeluarkan arahan kepada ADUN Sanglang, Mohd. Shukri Ramli; ADUN Guar Sanji, Mohd. Ridzuan Hashim dan ADUN Simpang Empat, Nurulhisham Yaakob sebelum ke Sidang DUN bermula hari ini hingga Khamis.

Sementara itu, Pengerusi Jawatan Kuasa Bencana Alam negeri, Azman Mohd. Yusof berkata, seramai 139 guru membabitkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sanglang, Sekolah Kebangsaan (SK) Sanglang dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Chin Hun turut menjalani ujian saringan tersebut.

"Setakat ini, seramai 48 guru dari SK Sanglang, 15 guru SJK Cina Hun sudah selesai melakukan ujian saringan sejak pagi tadi (semalam). Turut melakukan ujian sama adalah 76 guru SMK Sanglang," katanya.

Peniaga tular maklumat palsu disiasat

Album Covid19 - SeberangJaya



SEMAKIN HARI SEMAKIN DEKAT...
 #FLATHAMNA TUNA, SEBERANG
 JAYASTRESS MAKKKKK...

Update terkini :Suspek di Flat Tuna dah confirmed +ve. Dia ada pi shopping ke Billion Bdr Sunway. Hari ni Billion ditutup utk sanitasi hingga ke satu tarikh yg akan dimaklumkan. Suspek baru balik dari rmh kakak dia di Ipoh.



TANGKAP layar laman sosial Facebook

SEBERANG PERAI – Gara-gara menularkan maklumat palsu mengenai sebuah pasar raya di Seberang Jaya, seorang peniaga wanita kini berdepan risiko didakwa di mahkamah selain dipenjara.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Shafee Abd. Samad berkata, maklumat palsu itu dipercayai ditularkan oleh suspek berusia 33 tahun menerusi akaun Facebook peribadinya kira-kira pukul 2.30 petang kelmarin.

"Berikutan dakwaan itu, pihak pengurusan pasar raya berkenaan telah membuat kenyataan balas mengatakan bahawa kenyataan tersebut tidak benar.

"Mereka juga tidak pernah mengeluarkan kenyataan berkenaan penutupan premis untuk tujuan sanitasi," katanya kepada wartawan di sini semalam.

Katanya, pihak pasar raya juga beranggapan perbuatan tersebut adalah merupakan satu kenyataan fitnah.

"Siasatan polis mendapati wanita berkenaan telah mengambil kenyataan tersebut daripada kumpulan aplikasi WhatsApp mi-

lik sekolah anaknya.

"Dia menyebarkan hanya bertujuan untuk memberikan peringatan kepada rakan Facebook yang lain tanpa sebarang niat untuk mengalbkan pihak pengurusan pasar raya terbabit," katanya.

Kata Shafee, malangnya suspek tidak membuat semakan lanjut sebaliknya terus memuat naik maklumat palsu itu ke laman sosial.

"Selain mendakwa tersalah membuat hantaran berkaitan penularan Covid-19 di pasar raya tersebut, suspek juga telah menyunting hantaran berkenaan dengan fakta sebenar.

"Peniaga tersebut juga turut telah memadam hantaran awal yang dimuat naik sebelum itu," katanya.

Tambahnya, suspek kini disiasat di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksanan atas kesalahan memfitnah yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

"Selain itu, suspek disiasat mengikut Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kunjungan raya jadi punca

Pertambahan kes Kluster Sivagangga dan Kurau melibatkan saudara terdekat

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Aktiviti kunjung mengunjungi pada Aidiladha merupakan punca utama pertambahan kes Kluster Sivagangga dan Kluster Kurau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes positif koronavirus (Covid-19) kedua-dua kluster tersebut kebanyakannya terdiri daripada ahli keluarga.

"Siasatan yang dijalankan melalui aktiviti pengesanan kes secara aktif dan juga saringan kontak rapat mendapati, penularan jangkitan Covid-19 dalam kedua-dua kluster itu sebahagian besarnya disebabkan oleh aktiviti kunjung mengunjungi semasa musim perayaan,"

katanya ketika sidang akhbar perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Menurutnya, aktiviti kunjung mengunjungi walaupun kini dibenarkan, namun ia masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP).

"Penjarakkan fizikal yang selamat sesama individu sewajarnya diamalkan di semua tempat termasuk di antara ahli keluarga dan sanak saudara.

"Individu yang tidak sihat atau bergejala tidak sepatutnya mengunjungi atau menyertai sebarang kenduri dan perayaan," kata beliau.

Beliau berkata, tiga daripada enam kes penularan tempatan yang dilaporkan dikesan dari Kluster Kurau.

"Mereka merupakan ahli keluarga kes pertama kluster iaitu adik, biras dan anak saudaranya yang berumur dua tahun," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes pertama itu mempunyai kontak rapat dengan kes baharu semasa aktiviti kunjung



DR NOOR HISHAM

mengunjung menjelang Aidiladha pada 30 Julai lalu.

"Anak saudaranya (kes ke-9,093) menunjukkan gejala demam dan selesema sejak 30 Julai, manakala adik dan birasnya tidak bergejala.

"Kesemua pesakit dimasukkan ke Hospital Raha Permaisuri Bainun, Perak," katanya.

Setakat ini, seramai 125 orang telah disaring dari Kluster Kurau.

"Lima disahkan positif, 112 negatif dan lapan menunggu keputusan," katanya. Sementara itu, Kluster Sivagangga merekodkan hari kedua tanpa kes baharu positif Covid-19.

"Seramai 5,227 individu disaring dan 45 disahkan positif," katanya.

Semalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 11 kes baharu positif Covid-19.

Ini menjadikan jumlah kumulatif positif kes meningkat kepada 9,094 kes dengan 166 kes aktif.

Sebanyak 19 kes pulih sekali gus menjadi jumlah keseluruhan 8,803 kes.

Lebih baik pakai pelindung muka, kata Dr Noor Hisham

PUTRAJAYA - Pemakaian pelindung muka (face shield) adalah lebih baik meskipun masih tiada bukti ia dapat mengelakkan jangkitan koronavirus (Covid-19).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peralatan itu sekurang-kurangnya dapat memberi perlindungan.


"Lebih baik pakai pelindung muka daripada tidak pakai langsung," katanya pada sidang media perkembangan terkini Covid-19 di kementeriannya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan mengenai cadangan penggunaan pelindung muka terhadap murid sekolah bagi mengekang penularan Covid-19.

Terdahulu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya sedang menunggu keputusan KKM terhadap penggunaan pelindung muka sebagai alternatif kepada pengguna pelitip muka bagi pelajar sekolah.

Setakat ini, pelajar tidak diwajibkan memakai pelitip muka ketika di sekolah namun penggunaannya sangat digalakkan.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS/NATION

NEWS / Nation



Health
director-
general
Datuk Dr
Noor
Hisham
Abdullah

PROBE INTO CAUSE OF INFECTION

PERAK'S KURAU CLUSTER HAS 3 NEW CASES

Toddler among those found to be infected during Aidiladha family visit

DAWN CHAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE new Kurau cluster in Perak recorded three new Covid-19 positive cases up to yesterday, with one infection involving a toddler.

There are now five active cases from the cluster, which was first detected on Sunday.

The Sivagangga cluster in Kedah, however, remained with the most active cases at 45.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the new cases from the Kurau cluster were discovered through active case detection and close contact tracing in Perak and Penang.

"They are family members related to the index case in the Kurau cluster, known as Case 9,050, involving a younger sibling, an in-law and a 2-year-old nephew.

"Case 9,050 had close contact with the three new cases during a Hari Raya Aidiladha visit on July 30. The nephew was down with fever and flu since that day (July 30).

"The younger sibling and the in-law, however, were asymptomatic. We are still investigating the cause of the infection," he said at the ministry yesterday.

He added that the trio had been admitted to Raja Permaisuri Bainun Hospital in Ipoh.

Dr Noor Hisham said including the three, 125 individuals from the Kurau cluster had been screened up to yesterday; 112 tested negative and eight more were pending results.

He said the Kurau and Sivagangga clusters emerged following visits during the recent Hari Raya Aidiladha celebration.

"The majority of positive cases in both clusters involved family members, who are senior citizens and children aged between 2 and 70," he said.

Dr Noor Hisham reminded the people that although visits were now allowed, physical distancing must be adhered to.

He advised those who were unwell or had Covid-19 symptoms to refrain from taking part in gatherings.

On a related matter, Dr Noor Hisham advised against the opening of the country's borders for international tourists.

He said this was especially crucial following the emergence of new cases from the Kurau and Sivagangga clusters.

He said issues that would need to be studied before embarking on the move with Australia, New Zealand, Singapore, Brunei, Japan and South Korea included the current situation of Covid-19 in the respective countries and the standard operating procedures (SOP) upon arrival.

"So far, we are not ready to open our borders yet, but discussions between these countries, such as on the standardisation of SOP, can continue.

"Our priority is to enhance border control and ensure we can stop the local transmissions first."

Dr Noor Hisham also encouraged the use of face shields by



schoolchildren as recommended by Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

He said face shields could offer protection although there was no clinical evidence that it could avert Covid-19 infection.

On a separate matter, Dr Noor Hisham said they were investigating the possibility that a local man, who tested positive for Covid-19 recently, was infected again after returning home from Indonesia on May 7.

The man was the sole patient in Saturday's statistics of local transmission. He was reported to have been infected with Covid-19 before returning to Malaysia.

"So far, there is no hard evidence to show that the person has been infected for the second time.

"We are investigating to find out whether the patient had any contact with those who returned from Indonesia, or if he was exposed to positive cases.

"The infection this time may not be from Indonesia, but that was his travel history."

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally

(As at 7pm Aug 10, 2020)

	Malaysia											
	New cases		Total cases		Total deaths		Total recovered					
	11		9,094		125		8,803					
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Singapore	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	129,913	127,083	84,668	55,292	46,783	14,598	3,351	847	360	248	142	20
Deaths	2,270	5,765	4,634	27	1,040	305	58	13	6	0	3	0
Recovered	67,673	82,236	79,232	48,915	32,312	13,642	3,160	399	312	217	138	19
Global Top 10	US	Brazil	India	Russia	South Africa	Mexico	Peru	Colombia	Chile	Spain		
Confirmed cases	5,199,524	3,035,582	2,217,645	892,654	559,859	480,278	478,024	387,481	373,056	361,442		
Deaths	165,617	101,136	44,499	15,001	10,408	52,298	21,072	12,842	10,077	28,503		
Recovered	2,664,849	2,118,460	1,536,259	696,681	411,474	322,465	324,020	212,688	345,826	N/A		

Fears over positive case

Several Jalan Tuna flats' residents hoping to get tested

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

BUTTERWORTH: With one confirmed Covid-19 case in the neighbourhood, several residents of Jalan Tuna flats in Seberang Jaya are hoping to get screened and tested for Covid-19.

Printing technician Faizal Azhar Ahmad, who lives two units away from the infected occupant, said he was worried his family members could have been infected.

The 37-year-old father of three said the authorities have not told them to get tested.

"State Health Department personnel had conducted sanitisation exercises at the block on Sunday," he said.

His employer had advised him to stay home until a decision was made on whether he had to undergo home quarantine, he said.

Another resident, Husna Azman, 22, also wondered why residents in the area were not asked to get tested.

"They should screen all of us. We don't know whether we have been exposed or not. It is very dangerous," said the clerk who works in Sungai Puyu.

Husna said took a Covid-19 test at a clinic as she did not want to take chances.

Her mother Hamidah Yusoff, 50, also took a test at a panel clinic of her workplace after being advised by her employer.

"It is better that I check first, for fear that the virus could have spread to us," she said.

State Health Committee chairman Dr Norlela Ariffin urged those living in the affected blocks to not panic and strictly follow the standard operation procedures (SOPs).

"If you have symptoms, you should call the health authorities and inform them.

"We should keep our physical distance and always wash our hands with soap," she said.



Trying to stay safe: Faizal doing chores at his home at the Jalan Tuna flats, where he awaits a decision on whether he needs to be quarantined. — ZHAFARAN NASIB/The Star

On why the health department did not conduct thorough screenings at the affected block, Norlela said the department would only screen those who might have had close contact with the Patient Under Investigation (PUI).

On Sunday, Chief Minister Chow Kon Yeow said more than 100 people had undergone contact tracing tests in relation to the positive Covid-19 case reported in Penang.

He said that most of the tests came out neg-

ative, with a few more still awaiting results.

Penang reported one positive Covid-19 case on Friday (Aug 7), thereby revoking the state's green zone status that had been maintained for more than 90 days.

On Sunday, Penang reported three more positive Covid-19 cases, two of which were linked to the Kedah Sivagangga cluster and one from the new cluster in Perak.

The total number of infections in the state increased to 125 as at Aug 9.

DG: Observe SOP during festivities

By CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians must observe standard operating procedures (SOPs) even during festivities, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said.

This comes as the new Kurau cluster recorded three new cases, one of them involving a two-year-old boy displaying symptoms such as fever and flu.

"The Sivagangga cluster and Kurau cluster are two clusters that have seen an increase in Covid-19 cases lately, especially after the festive season.

"Investigations showed that the increase in cases was caused by visits during the festivities," he said at a press conference in Putrajaya yesterday.

He stressed that although visits were allowed during the festive season, people were to observe the SOP such as physical distancing.

The two-year-old boy in the Kurau cluster was showing symptoms such as fever and a cold, and is the nephew of the first patient in the cluster - Case 9050, a 32-year-old healthcare worker from Hulu Kinta.

Case 9050 had close contact with all the

new cases reported yesterday, from visits in conjunction with Hari Raya Haji on July 30.

Beside the two-year-old boy, the other two cases involved a 27-year-old housewife and a 20-year-old male student.

Discussions are ongoing to decide whether Malaysia will take part in the third phase of the Covid-19 vaccine trials, he said.

"Malaysia has not been selected as a hub for Phase 3 clinical trials.

"For now, we have more questions than answers. Until we see more data in terms of safety, side effects and such, we cannot make a conclusion," he said.

Malaysia had discussed this with three companies involved in the trials, including Sinovac, Sinopharm and CanSino, he said.

On Aug 6, *Xinhua News Agency* quoted the World Health Organisation (WHO) Health Emergencies programme executive director Michael Ryan who said that several Covid-19 vaccine candidates have entered Phase 3 trials.

Dr Noor Hisham also stressed that the number of Covid-19 tests that Malaysia is carrying out is adequate, as the cumulative positivity rate is below 1%.

"There is a perception that the number of tests that Malaysia is conducting is fewer than

other countries.

"However, if we look at the data, we are conducting 31.29 tests per 1,000 in the population, with a cumulative positivity rate of 0.9%.

"For South Korea, they are conducting 31.14 tests per 1,000 in the population, with a cumulative positivity rate of 0.9%," he said.

According to WHO, if the cumulative positivity rate goes beyond 10% or 15%, it means there are many Covid-19 cases in the community that have yet to be detected, he said.

He compared this to the cumulative positivity rate during the tabligh cluster outbreak in the country, which was at about 9%.

Malaysia recorded 11 new Covid-19 cases yesterday, bringing total infections in the country to 9,094.

"There is one positive Covid-19 case being treated in the Intensive Care Unit (ICU), and no case required ventilator support," he said during the press conference.

He also said that there were currently 166 active cases in the country.

Dr Noor Hisham added that 19 patients have been discharged, bringing the total cumulative discharged cases to 8,803.

He also said no new fatality was recorded, keeping the death toll at 125.

SABA LAB **LIVE onWEB**

13 August 2020 (Thurs)
10am - 12pm
Free Admission

IS YOUR BUSINESS READY TO FACE ANOTHER POTENTIAL LOCKDOWN?

Scan to Register



Contact us:
03-7967 1388 ext 1039 (Poh Ern),
1871 (Lily), 1104 (Sham)
soba@thestar.com.my

More Malaysians to benefit from quarantine fee exemptions

By MAZWIN NIK ANIS
mazwin@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Exemptions from having to pay quarantine charges will be given to more categories of people, including the B40, Malaysians working abroad and those who have been retrenched.

The government is also reducing quarantine charges at public training institutes to RM100 a day, said Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

He said Malaysians returning home after having served jail sentences in neighbouring countries need not pay for their quarantine.

"Also exempted are those stranded overseas for a long time and have drained their financial resources and cannot afford to pay for their quarantine.

"They will have to check with the National Disaster Management Agency on how they can get the exemption," he said.

At present, those with disabilities and registered with the Welfare Department, as well as students from B40 families, are exempted from having to pay quarantine charges.

On the reduced quarantine fee, Ismail Sabri said it was agreed that charges be brought down from RM150 to RM100 a day, as training institutes do not provide as many facilities as hotels.

"The rate for those quarantined at hotels remains at RM150 a day," he said.

Children below 12 can stay in the same room with their parents during quarantine and will be charged RM50 a day for meals and other charges.

"Fulfilling requests to be quarantined at hotels will depend on the availability of rooms, which is limited," he said, pointing out that 58 hotels and five public training institutes are used as quarantine stations.

Ismail Sabri said children below the age of 12 who are single travellers returning to Malaysia are also required to be quarantined at designated stations.

"We will allow a parent to accompany their children in the quarantine centres. Neither parent nor child will have to pay any charges," he said.

Between July 24 and Aug 9, a total of 9,016 individuals had returned to Malaysia and were sent to designated stations for 14-days' quarantine.

To date, 1,599 people have been discharged and allowed to return home.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NATION

Women urged to get tested for cervical cancer

KUALA LUMPUR: Women are encouraged to get themselves tested for cervical cancer.

Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, who cited figures by the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2019 released recently, pointed out that 60% of women did not conduct a pap smear test in the past three years.

Another 25% of women, said Dr Noor Azmi, aren't aware of testing methods for cervical cancer.

"I think the issue here is the test itself. Pap smear isn't comfortable and many women are embarrassed.

"Some are scared and some don't care," he told the Dewan Rakyat during Question Time in Parliament yesterday.

He was responding to June Leow (PH-Hulu Selangor), who asked the government to state the feasibility of making pap smear tests available to women in the B40 group who qualify.

Dr Noor Azmi said that pap smear

tests can be done at hospitals and clinics under the Health Ministry with only RM1, while reminding that cervical cancer is the third most common cancer among women at present.

If women are afraid of pap smear tests, Dr Noor Azmi said they could opt for the self-sampling human papillomavirus (HPV) test, which is less invasive and could be done in the comfort of their own homes.

"This is a common screening method in the world, especially in

Australia. God-willing, we are able to fully eradicate cervical cancer in the future and lives will be saved," he said.

Earlier, Dr Noor Azmi told the Dewan that cervical cancer is the ninth most common cancer in Malaysia, with an incident rate of 6.2 per 100,000 population. Dr Noor Azmi said breast cancer figures were higher at 34.1 per 100,000 population.

"That is why breast cancer screening is given priority to be

included as part of the health screening package for the PeKa B40," he said, referring to the healthcare protection scheme for the low-income B40 group.

Dr Noor Azmi also said the Perikatan Nasional government would continue to improve the existing PeKa B40 programme introduced by the former Pakatan Harapan administration.

"The Perikatan government likes this programme very much and we will continue with it," he added.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

MPs FROM HOTSPOTS TO UNDERGO VIRUS TESTS

ALL MPs returning from constituencies under the enhanced movement control order and targetted movement control order are to be tested for Covid-19. Dewan Rakyat Speaker Datuk Azhar Azizan Harun said MPs with positive cases in their constituencies should be tested for the virus as well. He urged MPs to follow standard operating procedures by wearing face masks in Parliament except while debating or raising a point. He added this decision was made following the identification of the Sivagangga cluster linked to a super-spreader strain of the virus. On Saturday, Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said 43 cases linked to the Sivagangga cluster had been detected in Kedah, Perlis and Penang. The Speaker said MPs who had been sitting in areas reserved for visitors or Parliament officers could now return to their original seats. He pointed out that transparent barriers had been put up to separate seats and ensure physical distancing among MPs in Parliament.

'ENOUGH EQUIPMENT FOR PATIENTS IN S'WAK'

THERE are enough haemodialysis machines to meet the needs of Hepatitis B patients at the Bintulu Hospital in Sarawak, said Deputy Health Minister I Datuk Dr Noor Azmi Ghazali. Currently, there are 24 haemodialysis machines at the hospital, with two of them reserved for Hepatitis B patients, capable of accommodating 12 treatment slots. "There are 12 Hepatitis B patients at the hospital. None of them are on the waiting list for treatment and none have been sent out of Bintulu for treatment." Noor Azmi was replying to questions from Datuk Seri Tiong King Sing (GPS-Bintulu) on plans to increase the number of haemodialysis machines at the Bintulu Hospital and improving the service at the Bintulu Polyclinic.
- Bernama